



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 4 / 2025

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL

DEWAN NEGERI

N.48 AYER KUNING, PERAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **7 Mac 2025 (Jumaat)** dan memutuskan satu **Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Bagi maksud menjalankan **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	7 Mac 2025 (Jumaat)
Hari Penamaan Calon	:	12 April 2025 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	22 April 2025 (Selasa)
Hari Mengundi	:	26 April 2025 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **12 April 2025 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 25 April 2025 (Jumaat)**.
5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** dibuka bermula dari hari ini, **7 Mac 2025 (Jumaat)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	9 April 2025 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	20 Mac 2025 (Khamis)
3	1C (Agensi / Organisasi)	20 Mac 2025 (Khamis)

6. **Permohonan undi pos adalah secara dalam talian (*online*)**. Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal SPR, www.spr.gov.my**.
7. Bagi menjalankan proses **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus** dibantu oleh **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **satu (1) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)**

yang turut dianggotai oleh wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan calon yang bertanding.

8. Bagi maksud **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak, Pusat Penamaan Calon (PPC) dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Dewan Merdeka Tapah, Perak**.
9. Seramai **601 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**. Manakala, sebanyak **19 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **63 tempat mengundi/saluran** dan dua (2) pusat mengundi awal yang mengandungi tiga (3) tempat mengundi/saluran awal akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **21 buah** dengan **66 tempat mengundi/saluran**. **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** memerlukan peruntukan sebanyak **RM2.5 juta**.
10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Januari 2025 yang dikemaskini sehingga 22 Februari 2025**. DPPR ini mengandungi seramai **31,897 orang pemilih** yang terdiri daripada **31,315 orang pengundi biasa** dan **582 orang anggota Polis dan pasangan Polis PGA**. DPPR bagi **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**, akan mula dijual pada **25 Mac 2025 (Selasa)**.

11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7218** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian akan **dibuka pada 25 Mac 2025 (Selasa)**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**, agar mengisi dan membuat **semakan awal pengisian borang** tersebut dengan **Pejabat Pegawai Pengurus** atau **Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak** sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** dalam melihat perjalanan

proses PRK ini bermula dari hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat **pemerhatian seperti di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.

15. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** untuk pemerhati boleh diperolehi daripada **Portal SPR www.spr.gov.my mulai hari ini, 7 Mac 2025 (Jumaat) dan tarikh tutup permohonan pada 17 Mac 2025 (Isnin).**
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* di Pusat Mengundi dan Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
7 Mac 2025 / 6 Ramadan 1446H